

MAJLIS MESYUARAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21
MAJLIS MESYUARAT NEGARA BAGI TAHUN 2025**

**PERINTAH HARIAN
RABU, 12 SAFAR 1447H BERSAMAAN 06 OGOS 2025M**

PH03/02/2025

9:30 PAGI

1

1. MEMBACA DOA

2. PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

- 1) **[PL193] : Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan sejauhmana kemajuan penggubalan Garis Panduan Gangguan Seksual di Tempat Kerja dan apakah garis masa yang ditetapkan untuk melaksanakannya secara rasmi? Pelaksanaannya perlu disegerakan memandangkan gangguan seksual bukan sahaja menjejaskan kesejahteraan mental dan produktiviti kerja, malah menggugat integriti perkhidmatan awam. Ia juga mencerminkan komitmen kerajaan terhadap keadilan sosial dan keselamatan warga perkhidmatan awam.

- 2) **[PL242] : Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan Kementerian dalam menangani isu "*workplace bully*" terhadap pegawai dan kakitangan baharu, yang berpunca daripada ketua/pegawai lama yang tidak cekap dan memaksa kerja lebih masa sehingga menimbulkan stres? Berapakah laporan dan apakah tindakan yang diambil serta langkah pencegahan yang akan dilaksanakan?

-
- 3) **[PL239] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan apakah langkah strategik Kementerian untuk menggiatkan digitalisasi negara agar terus berkembang pesat dan menyumbang positif kepada pertumbuhan ekonomi? Laporan '*The State of Digital Economy and AI 2025*' telah menunjukkan pertumbuhan positif, namun sektor perkhidmatan seperti perubatan, kewangan, dan perniagaan mengalami pertumbuhan negatif pada Q1 2025.
- 4) **[PL226] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan apakah langkah pencegahan pencerobohan sistem digital dan bagaimana pertanggungjawaban dilaksanakan memandangkan terdapat 2,976 kes ancaman siber pada 2020 yang membimbangkan? Walaupun Akta Keselamatan Siber 2024 serta kerangka kerangka *Critical Information Infrastructure* (CII) dikuatkuasakan, sejauh manakah kesiapsiagaan kolektif negara untuk menangani ancaman siber yang semakin kompleks?
- 5) **[PL165] : Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bercadang untuk membuat pengauditan tenaga kerja di semua Kementerian-Kementerian atau Jabatan-Jabatan untuk memastikan tenaga kerja yang mencukupi bagi memastikan pentadbiran Kementerian atau Jabatan dapat berjalan dengan lancar.
- 6) **[PL191] : Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan setakat manakah kesediaan kerajaan melaksanakan dasar Waktu Kerja Fleksibel dalam sektor awam untuk mempertingkatkan kecemerlangan perkhidmatan berteraskan integriti, dan produktiviti, memperkukuh keseimbangan kerja-kehidupan, serta menyesuaikan budaya kerja dengan keperluan semasa dan teknologi moden. Mekanisme pemantauan dan tindakan tegas berdasarkan *consequences management for non-delivery* hendaklah diperkenalkan serentak untuk memastikan penyampaian perkhidmatan tetap efisien dan bertanggungjawab.

-
- 7) **[PL271] : Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan adakah terdapat pembangunan *Secure In-House Generative AI Tool* termasuk rancangan bagi tempoh dua tahun untuk membantu penjawat awam dalam penyediaan draf, peringkasan dan penyelidikan, sambil memastikan pematuhan terhadap perlindungan data dan meningkatkan produktiviti sektor awam? Ini adalah mengambil kira *Digital Brunei Transformation Plan* yang menekankan peranan *AI* dalam pelbagai sektor.
- 8) **[PL160] : Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Biro Mencegah Rasuah (BMR) dilibatkan sebagai ahli panel bebas dalam menentukan perolehan tender-tender kerajaan demi memastikan proses tender dijalankan dengan telus, adil dan bebas daripada sebarang unsur penyalahgunaan kuasa atau penyelewengan?
- 9) **[PL273] : Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan berapakah peratusan kemajuan terkini dalam pendigitalan (*digitisation*) yang telah dicapai oleh Kementerian-Kementerian, terutamanya di jabatan yang masih bergantung kepada pentadbiran harian berasaskan kertas, bagi memastikan kesiapsiagaan terhadap integrasi *Artificial Intelligence (AI)* dan penjajaran dengan matlamat digital negara, selaras dengan kemajuan Brunei dalam *AI* dan transformasi digital.
- 10) **[PL243] : Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan di samping sistem SSM, apakah cara dan langkah berkesan yang dapat difikirkan untuk membendung isu kelewatan hadir ke tempat kerja dan awal balik kerja bagi pegawai dan kakitangan? Bagaimana pula cara mengelak manipulasi sistem SSM di mana rakan kerja mencatat kedatangan bagi pihak mereka yang belum di pejabat?

-
- 11) **[PL177] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah kejayaan program dan kursus bagi warga perkhidmatan awam berhasil dalam mentransformasi dan meningkatkan kualiti kerja penjawat awam? Ini memandangkan ketidakpuasan hati semasa berurusan yang pernah ditimbulkan oleh Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei seperti lambat mengambil tindakan dan memberi keputusan, sukar untuk dijumpai, kehilangan dokumen dan sebagainya.
- 12) **[PL204] : Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian Pendidikan menyelaraskan sistem pendidikan tinggi negara dengan prinsip inklusiviti, kelestarian dan kemakmuran yang digariskan dalam Deklarasi Pemimpin ASEAN 2025? Dicadangkan agar dasar, struktur, hala tuju, keberkesanan tadbir urus dan sistem untuk disemak semula, selaras dengan perubahan industri, kemajuan teknologi, kebolehpasaran graduan serta meningkatkan kemasukan ke institusi-institusi tinggi.
- 13) **[PL181] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha Kementerian Pendidikan bagi mengurangkan jumlah pengangguran di kalangan graduan dari institusi pendidikan tinggi dan juga lepasan sekolah melalui perbincangan dan tindakan bersepadu bagi mewujudkan jawatan dan pekerjaan bersesuaian? Sejauh mana kurikulum pendidikan disesuaikan dengan kehendak pekerjaan serta kehendak pembangunan negara secara keseluruhan?
- 14) **[PL268] : Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah kerajaan merancang untuk memperkenalkan cuti paterniti? Perkara ini boleh menggalakkan tanggungjawab kerjasama ibu bapa dan memperkukuhkan sistem sokongan keluarga, selaras dengan amalan terbaik antarabangsa. Kebanyakan suami bergantung kepada cuti tahunan atau tanpa gaji untuk menyokong pasangan mereka selepas bersalin dan ini juga sebagai pengiktirafan peranan bapa yang semakin berkembang dan pemanjangan cuti bersalin.

-
- 15) **[PL178] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Pusat Pekerjaan Brunei terbuka untuk berdialog bersama syarikat-syarikat bagi mendengar dan memperbaiki tatacara serta proses pengambilan pekerja tempatan dan asing agar memenuhi kehendak industri? Beberapa firma mengatakan process melalui Job Centre tidak memudahkan penawaran pekerjaan dan untuk mendapatkan pekerja.
- 16) **[PL206] : Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah warga tempatan yang mendapatkan peluang pekerjaan di luar negara dan di dalam bidang kepakaran apakah mereka terlibat? Adakah terdapat pangkalan data nasional penghijrahan profesional tempatan, serta pelaksanaan dasar *Return & Serve* dijalankan untuk memastikan mereka kembali berkhidmat di dalam negara dengan pengalaman yang ada?
- 17) **[PL238] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan apakah sasaran (KPIs) dan sistem pemantauan Program Pemedulian yang telah diperkenalkan oleh Jabatan Perkhidmatan Pengurusan untuk meningkatkan produktiviti perkhidmatan awam? Apakah tindakan tegas yang akan diambil terhadap kakitangan yang mengabaikan tugas mereka, terutamanya bagi isu kelambatan proses dan layanan agensi kerajaan?
- 18) **[PL214] : Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian Pendidikan sudah siap siaga untuk melantik dan mengganti graduan tempatan yang berkemahiran linguistik dalam pengajaran Bahasa Inggeris, bila masa ada peralihan guru *CfBt*, yang kini menempatkan kira-kira 200 guru khusus Bahasa Inggeris dan kontrak mereka akan dijangka akan tamat pada Disember 2026.

-
- 19) **[PL207] : Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang boleh diambil bagi memastikan pentadbiran negara lebih cekap dan berkesan? Ini mengambil kira hanya 54% daripada 48 agensi Kerajaan menerima satu bintang, seperti mana yang dinyatakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II semasa Mesyuarat Pertama dahulu.
- 20) **[PL208] : Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan bolehkah Kementerian menyatakan agensi-agensi manakah yang telah menerima penarafan 4 bintang serta contoh faktor kejayaan utama yang boleh dijadikan sebagai rujukan oleh agensi lain untuk meningkatkan prestasi? Ini mengambil kira dalam penilaian 3PSA hanya dua agensi kerajaan yang mencapai penarafan 4 bintang.
- 21) **[PL162] : Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan apakah status terkini mengenai projek pembinaan Balai Cerap?
- 22) **[PL211] : Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan bilakah bursa saham Brunei dijangka akan mula beroperasi mengambilkira keperluan pindaan undang-undang dan garis panduan penyenaraian yang perlu diselesaikan? Dengan kajian kebolehlaksanaan telah disiapkan dan fasa pelaksanaan dimaklumkan bermula sejak Mac 2025, kejelasan mengenai garis masa pelancaran rasmi bursa saham adalah penting bagi membolehkan pelabur dan syarikat tempatan membuat persediaan.
- 23) **[PL256] : Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub** meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan apakah usaha dan perancangan pihak Kementerian di dalam menangani isu kekurangan imam atau pegawai masjid dan apakah ada diwujudkan program khusus secara konsisten yang menggalakkan masyarakat khususnya belia-belia meminati jawatan-jawatan berkenaan?

-
- 24) **[PL269] : Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee** meminta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian akan mempertimbangkan mandat mingguan bagi orang ramai untuk memakai Kain Tenunan dan Batik tempatan sebagai usaha membangunkan industri tekstil tempatan dan meraikan identiti budaya negara, mengambil kira keberjayaan Brunei dalam menyumbang kepada penyenaraian Kebaya di bawah *Representative List of the Intangible Cultural Heritage of Humanity* oleh UNESCO?
- 25) **[PL173] : Yang Berhormat Awang Lau How Teck** meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah pendekatan Kementerian dalam meningkatkan keberkesanan sistem respons kepada aduan masyarakat di peringkat Jabatan Daerah dan Majlis Perundingan Mukim? Ini adalah untuk memastikan tindakan bukan hanya bersifat reaktif, tetapi berdasarkan pemantauan proaktif dan pelaporan berkala.
- 26) **[PL151] : Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed** meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk memperkukuh keberkesanan peranan institusi Ketua Kampung dan Majlis Perundingan Kampung melalui pelaksanaan modul latihan kebangsaan dan pembinaan kapasiti secara berterusan yang lebih sistematik dan seragam di seluruh daerah, agar penyampaian perkhidmatan di peringkat akar umbi lebih responsif dan berpandukan keperluan masyarakat setempat?
- 27) **[PL260] : Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian mengenai isu atau proses tukar milik tanah yang mengambil masa yang terlalu lama diselesaikan oleh Jabatan Tanah terutamanya apabila pemilik asal meninggal dunia dan dituntut oleh waris (isteri atau anak)?
- 28) **[PL163] : Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian bagi membantu pemilik tanah yang mempunyai tanah persendirian yang tidak dapat dimajukan atas sebab-sebab ada laluan kabel voltan tinggi dan sebagainya? Bolehkah pemilik tanah ini mendapat gantian tanah di tempat lain?

- 29) **[PL258] : Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan apakah perkembangan atau pelaksanaan mengenai isu jalan raya dari Jambatan Rasau menuju ke Pos Kawalan Imigresen Sungai Tujuh?
- 30) **[PL235] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan berapakah sudah peluang pekerjaan yang telah diwujudkan secara langsung oleh *FDIs* baru ini dalam tempoh tersebut, dan berapa peratuskah daripada pekerjaan ini telah dipenuhi oleh anak-anak tempatan? Dalam Pembentangan Belanjawan 2-3 tahun ini, telah dikongsikan mengenai beberapa projek *FDI* baru yang sedang dan akan beroperasi.
- 31) **[PL150] : Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan apakah strategi Kementerian untuk merangka pemerkasaan ekonomi daerah secara menyeluruh dan berstruktur? Ini adalah agar pembangunan luar bandar tidak hanya bersifat berperingkat kecil, tetapi mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara melalui penyertaan aktif perusahaan tempatan.

3. USUL BILANGAN No. 1 USUL WAWASAN BRUNEI 2035 [SAMBUNGAN]

*“**MENJUNJUNG** titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa perjalanan menuju Wawasan Brunei 2035 memerlukan kerjasama, inovasi dan semangat juang yang tinggi dari semua pihak. Dewan ini perlu meneliti cadangan dan idea yang dikemukakan dengan mengambil kira emerging issues di peringkat global, untuk diambil tindakan oleh pihak-pihak berkepentingan mengikut kesesuaiannya.*

***MENYEDARI** bahawa Wawasan Brunei 2035 diterbitkan melalui Badan Perencana Kemajuan Jangka Panjang pada tahun 2004 bagi merancang pembangunan negara dalam tempoh 30 tahun ke hadapan. Hanya tinggal 10 tahun bagi merealisasikan Wawasan Brunei 2035.*

MEMPERAKUI bahawa usaha-usaha mengukuhkan pelaksanaan strategik dan pelan-pelan tindakan menjurus kepada mencapai Matlamat-Matlamat Utama Wawasan dijalankan melalui Manpower Blueprint bagi Matlamat Pertama yang diterajui oleh Kementerian Pendidikan dan Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan (MPTMP); Social Blueprint bagi Matlamat Kedua yang diterajui oleh Jabatan Perdana Menteri dan Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS); dan Economic Blueprint bagi Matlamat Ketiga yang diterajui oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

MEMAHAMI bahawa keadaan dunia sangat sukar diramal dan negara juga tidak terkecuali dari menghadapi kesan-kesan global seperti konflik geopolitik dan situasi ekonomi tidak menentu. Kesan ini mencabar pelaksanaan Wawasan Brunei.

BAHAWA dalam memastikan Negara Brunei Darussalam akan merealisasikan Wawasan Brunei 2035, Majlis ini mengusulkan bagi tindakan dan sokongan bersepadu digagaskan dengan pendekatan senegara bagi merealisasikan matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035.”

4. PERTANYAAN BAGI JAWAB BERTULIS

- 1) **[PT044] : Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed** meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah migrasi keluar dan masuk Negara Brunei Darussalam dan tahun 2021 hingga 2024 yang dikategorikan mengikut sebab seperti pekerjaan, pendidikan dan kesihatan? Apakah corak utama yang dikenal pasti yang boleh memberi implikasi terhadap perancangan dasar negara?
- 2) **[PT047] : Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan** meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan adakah pemilik lesen perniagaan yang mempamerkan barangan jualan di kaki lima premis mereka melakukan kesalahan, dan apakah tindakan yang diambil terhadap pesalah?
- 3) **[PT069] : Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin** meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan bagaimanakah Kementerian akan memanfaatkan Kompleks Yayasan untuk aktiviti seni kreatif, penjualan cenderahati tempatan, dan lanjutan waktu operasi *Food Street* bagi mengukuh ekosistem pelancongan Bandar Seri Begawan berdekatan Masjid SOAS, *Eco-Corridor* dan Kampung Ayer?

-
- 4) **[PT077] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof** meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah kerangka-kerja strategik bagi memperluaskan, memajukan serta menaiktaraf premis dan aktiviti perniagaan dan perusahaan di persekitaran Pekan Tutong dan Pekan Kuala Belait supaya lebih teratur serta vibrant ke arah green ekosistem yang kondusif?
- 5) **[PT084] : Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin** meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah kajian telah dijalankan terhadap impak kadar premium insurans pekerja asing yang mencecah BND100,000, khususnya terhadap majikan yang memerlukan pembantu rumah dan syarikat tempatan yang bergantung kepada tenaga kerja asing bagi menyokong kelancaran operasi dan usaha pemelbagaian ekonomi negara?
- 6) **[PT089] : Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee** meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan dalam ketiadaan sebarang keperluan undang-undang yang mewajibkan majikan di Brunei untuk menyatakan skop kerja dalam iklan jawatan kosong, bagaimana para pencari kerja dapat membuat keputusan yang bermaklumat, mengelakkan eksploitasi, dan bersedia untuk peranan. Ini memandangkan ketidaksepadanan jangkaan boleh menyebabkan peletakan jawatan awal, rendah moral, atau pertikaian di tempat kerja.
- 7) **[PT090] : Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee** meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan memandangkan peningkatan penggunaan kontrak jangka pendek yang dilanjutkan secara berulang di pasaran buruh Brunei, bolehkah Kementerian menjelaskan *Ambiguity* dalam *Employment Act (Cap 278)* berkenaan pengiktirafan perkhidmatan berterusan, khususnya berkaitan notis peletakan jawatan dan penamatan, agar panduan jelas dan konsisten dapat diberikan kepada semua pihak?
- 8) **[PT046] : Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan berapakah peratus tanah pertanian aktif yang dimiliki dan diusahakan oleh syarikat atau usahawan tempatan berbanding entiti asing atau bukan pengusaha sebenar? Apakah strategi Kementerian untuk memperluas pemilikan dan penggunaan tanah oleh warga tempatan secara produktif dan mampan?

-
- 9) **[PT051] : Yang Berhormat Awang Lau How Teck** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan apakah rancangan kerajaan dalam mewujudkan mekanisme pasaran jaminan hasil (*price assurance mechanism*) bagi produk-produk pertanian tempatan yang terdedah kepada turun naik harga mendadak, bagi menjamin kelangsungan operasi dan minat pelabur swasta?
- 10) **[PT052] : Yang Berhormat Awang Lau How Teck** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk mewujudkan satu ekosistem pertanian negara yang boleh berdikari dalam tempoh 10 tahun akan datang, termasuk dari segi benih, baja, buruh mahir, logistik dan pasaran, agar sekuriti makanan negara benar-benar bebas daripada tekanan geopolitik dan gangguan rantai bekalan global?
- 11) **[PT057] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan apakah perkembangan selanjutnya mengenai pertanian di negara ini susulan daripada perkara-perkara yang telah dibangkitkan pada persidangan pertama MMN pada tahun ini seperti membuka kawasan baru bagi penanaman padi, membaik pulih sistem saliran air, menyediakan infrastruktur pertanian, program pembangunan kapasiti bagi peladang, pembiayaan dari segi kewangan, dan sebagainya.